



جابتن حال إحوال اكلام إسلام قولوا قينخ
JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM PULAU PINANG



TEKS KHUTBAH
**SEDAR SEBELUM
SESAL**



Tarikh Bacaan:
24 APRIL 2026M / 6 ZULKAEDAH 1447H

Dibiayai :



MAJLIS AGAMA ISLAM
NEGERI PULAU PINANG

Diterbitkan :



JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM
PULAU PINANG

***Jawatankuasa
Panel Semakan Teks Khutbah
Negeri Pulau Pinang***

- 1. Sahibus Samahah Prof. Madya Dato' Dr. Mohd Sukki bin Othman (Pengerusi)**
Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang
- 2. YBhg. Ustaz Muhammad Fadzil bin Alias**
Pengarah, Yayasan Dakwah Islamiyah (YADIM) Pulau Pinang
- 3. YBhg. Ustaz Ahmad bin Hashim**
Mantan Penasihat, Pusat Pengajian Tahfiz Al-Quran (PPTQ)
Kolej Islam Teknologi Antarabangsa Pulau Pinang (KITAB)
- 4. YBhg. Ustaz Subki bin Mohamed**
Mantan Pensyarah Kanan, IPG Kampus Tuanku Bainun
- 5. YBrs. Dr. Mohamad Zaki bin Hj Abdul Halim**
Penolong Mufti, Bahagian Fatwa,
Jabatan Mufti Negeri Negeri Pulau Pinang
- 6. YBhg. Ustazah Rohayati binti Daud**
Mantan Penyelaras Program Intervensi Kaunseling,
Universiti Sains Malaysia
- 7. YBhg. Ustaz Ahmad Shahimi bin Senawi**
Pendakwah
- 8. Ustaz Mohd Hanif bin Omar @ Wahab (Setiausaha)**
Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Dakwah
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP)



Sedar Sebelum Sesal

(Khutbah Khas AADK)

24 April 2026M/ 6 Zulkaedah 1447H

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: ...وَلَا تُلْقُوا بِأَيْدِيكُمْ إِلَى التَّهْلُكَةِ وَأَحْسِنُوا إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ

الْمُحْسِنِينَ ﴿١٦٥﴾ سورة البقرة

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى نَبِيِّنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ دَعَا بِدَعْوَتِهِ إِلَى يَوْمِ
الدِّينِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَاتَّقُوا اللَّهَ أَوْصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

SIDANG JUMAAT SEKALIAN,

Khatib menyeru diri khatib dan sidang jemaah sekalian agar terus meningkatkan ketakwaan kepada Allah dengan melaksanakan segala perintah-Nya. Mudah-mudahan kehidupan kita sentiasa berada dalam keberkatan di dunia dan dikurniakan balasan syurga di akhirat kelak.

Khatib juga mengingatkan sidang jemaah sekalian agar memberikan sepenuh perhatian kepada khutbah yang disampaikan. Elakkan daripada berbual, bermain telefon bimbit atau melakukan perkara yang boleh menghilangkan pahala mendengar khutbah, agar peringatan yang disampaikan meresap ke dalam hati. Khutbah pada hari ini akan menyentuh berkenaan tajuk: **Sedar Sebelum Sesal**.

SIDANG JUMAAT RAHIMAKUMULLAH,



Tidak pernah terlintas dalam fikiran, seorang anak sanggup membunuh ayah kandungnya sendiri. Namun, akhbar bertarikh 6 Ogos 2025 melaporkan satu kejadian pembunuhan seorang bapa oleh anaknya yang terlibat dengan penyalahgunaan dadah dan bahan. Kejadian tragis ini menunjukkan bagaimana dadah bukan sekadar merosakkan tubuh dan akal, bahkan membunuh nilai kemanusiaan serta memutuskan kasih sayang dan darah daging sendiri.

Islam merupakan agama syumul yang menekankan aspek kesucian jiwa dalam kehidupan penganutnya yang berbilang bangsa dan kaum. Kesucian jiwa adalah kemuncak dalam beragama yang berfungsi melahirkan individu yang berakhlak mulia dengan mematuhi segala syariat Islam. Kehidupan manusia dipandu dengan Maqasid Syariah yang telah ditetapkan oleh Allah *سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى* iaitu memelihara agama, nyawa, akal, keturunan dan harta.

Perkara yang berkaitan dengan halal dan haram merupakan garis pemisah di antara orang yang beriman dan orang yang ingkar terhadap perintah Allah. Maka, manusia yang mengabaikan tuntutan syariah ini akan mudah terjerumus ke dalam perbuatan yang merosakkan diri dan masyarakat.

Justeru, menjadi kewajipan utama bagi setiap orang beriman untuk memelihara diri daripada segala bentuk kemungkaran dan kemaksiatan dalam kehidupan seharian sebagaimana firman Allah dalam surah al-Baqarah ayat 195 yang telah dibacakan di awal khutbah yang bermaksud:

“...dan janganlah kamu mencampakkan dirimu sendiri ke dalam kebinasaan (dengan bersikap bakhil) dan berbuat baiklah kerana sesungguhnya Allah mengasihi orang yang berbuat baik.”

HADIRIN YANG DIRAHMATI ALLAH SEKALIAN,

Penyalahgunaan dadah dan bahan adalah simbol kelalaian hati dan hubungan spiritual yang jauh daripada Allah. Dadah bukan sekadar serbuk, pil atau suntikan namun ia adalah racun moden yang membunuh secara perlahan-lahan. Ia bukan hanya merosakkan akal dan tubuh, tetapi mengheret jiwa dan keimanan ke lembah kehinaan.

Ketagihan boleh mengganggu perasaan dan jiwa, lalu menyebabkan jiwa menjadi kosong dan jauh daripada rahmat Allah. Jiwa yang sepatutnya diisi dengan amal soleh, kini dipenuhi dengan pemikiran dan tingkahlaku yang melalaikan. Oleh yang demikian, kembali kepada agama Allah *سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى* merupakan ubat utama dalam pemulihan diri dan rohani.

Apabila hubungan dengan Allah telah terhakis maka hubungan sosial sesama manusia menjadi rosak dan porak peranda. Jenayah berlaku di sana sini, pengabaian tanggungjawab ibu bapa di dalam institusi keluarga malah terputusnya hubungan silaturrahim sesama saudara angkara dadah durjana.

Ramai anak muda yang dulunya berpotensi menjadi pemimpin, akhirnya tersungkur menjadi hamba kepada ketagihan. Ramai anak-anak yang terabai daripada kasih sayang ibu bapa yang hanyut dengan dadah setiap masa, manakala ibu bapa pula tidak lena tidur malam kerana risau terhadap ancaman dadah kepada anak-anak mereka.

SIDANG JEMAAH SEKALIAN,

Janganlah kita memandang penagih dadah sebagai sampah masyarakat, kerana di sebalik kelemahan itu ada jiwa yang sedang merintih memohon pertolongan. Hakikatnya, penyalahgunaan dadah bukan sekadar isu undang-undang, tetapi juga jeritan hati yang kosong dan sunyi. Mereka bukan sahaja memerlukan rawatan, bahkan sentuhan iman, bimbingan serta kasih sayang. Oleh itu, marilah kita mengubah tanggapan negatif kepada sikap yang lebih memahami dan membantu.

Berilah mereka peluang kedua untuk kembali menikmati kehidupan yang lebih tenang dan bermakna. Bimbinglah mereka untuk melakukan kebaikan dengan mengerjakan solat dan amalan-amalan wajib yang lain. Berilah sokongan sosial melalui peluang pekerjaan. Perlu diingatkan bahawa pintu taubat sentiasa terbuka seluas-luasnya. Bertepatan dengan hadis Rasulullah *صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ* yang diriwayatkan oleh Anas bin Malik:

كُلُّ بَنِي آدَمَ خَطَّاءٌ وَخَيْرُ الْخَطَّائِينَ التَّوَّابُونَ

Maksudnya: *“Setiap anak Adam itu berdosa, dan sebaik-baik pendosa ialah yang bertaubat”* (Hadis Riwayat Ibnu Majah)

SAUDARA MUSLIMIN SEKALIAN,

Berdasarkan akta yang telah dipinda, Kerajaan melalui Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) telah membuka peluang kepada penagih dan penyalahguna dadah dan bahan bukan tradisional seperti ketum, gam dan bahan psiko aktif untuk mendapatkan rawatan dan pemulihan secara sukarela di mana-mana pusat pemulihan. Sebarang aduan,

maklumat dan pertanyaan yang berkaitan, boleh disalurkan melalui AADK.

Mimbar menyeru seluruh jemaah agar bersatu memerangi bahaya dadah dengan iman, ilmu dan kasih sayang. Didiklah dengan nilai agama serta peka terhadap perubahan tingkah laku, emosi dan fizikal mereka. Jauhilah maksiat dan pergaulan bebas yang merosakkan agar keluarga dan masyarakat sentiasa terpelihara dalam rahmat Allah *سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى*.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Mengakhiri khutbah pada hari ini, marilah kita mengambil beberapa pengajaran untuk dijadikan panduan dalam kehidupan iaitu:

Pertama: Umat Islam hendaklah memelihara akal yang merupakan salah satu asas Maqasid Syariah yang telah ditetapkan oleh Allah.

Kedua: Umat Islam perlu sedar apabila seseorang itu terjebak dengan dadah, kesannya bukan hanya pada dirinya sahaja malah akan melibatkan keluarga, masyarakat dan juga negara.

Ketiga: Masyarakat hendaklah sedar bahawa Kerajaan sentiasa terbuka untuk membantu mereka yang terlibat dengan penyalahgunaan dadah dan bahan. AADK bukan sebagai tempat untuk menghukum tetapi membantu mereka kembali pulih ke pangkuan masyarakat.

Firman Allah dalam surah az-Zumar ayat 53:

قُلْ يَاعِبَادِيَ الَّذِينَ أَسْرَفُوا عَلَىٰ أَنفُسِهِمْ لَا تَقْنَطُوا مِن رَّحْمَةِ اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ يَغْفِرُ الذُّنُوبَ

جَمِيعًا إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ ﴿٥٣﴾

Maksudnya: “Katakanlah (Wahai Muhammad), wahai sekalian hamba-Ku yang melampaui batas terhadap diri sendiri (dengan perbuatan-perbuatan maksiat), janganlah kamu berputus asa daripada rahmat Allah kerana sesungguhnya Allah mengampunkan segala dosa! Sesungguhnya Dialah Yang Maha Pengampun, Lagi Maha Pengasih”

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ اللَّهُ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



Khutbah Kedua

2026M/1447H

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأَمِينِ،
وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَالتَّابِعِينَ، وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، لَهُ الْمُلْكُ وَلَهُ الْحَمْدُ يُحْيِي وَيُمِيتُ
وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ دَاعِيًا إِلَى سِرَاجِ مُنِيرٍ.

صَلَّى اللَّهُ وَسَلَّم عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ، عَدَدَ خَلْقِهِ وَرِضَا نَفْسِهِ،
وَزِينَةَ عَرْشِهِ وَمِدَادَ كَلِمَاتِهِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ تَعَالَى رَبَّكُمْ حَقَّ تَقَاتِهِ، وَاعْمَلُوا بِطَاعَتِهِ
وَمَرْضَاتِهِ.

MUSLIMIN YANG DIRAHMATI ALLAH,

Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang memutuskan hukum penggunaan rokok elektronik dan vape adalah haram, dan umat Islam dilarang terlibat dengan sebarang aktiviti berkaitan dengannya.

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ
وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ.
اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ
وَالْأَمْوَاتِ،



اللَّهُمَّ أَعِزَّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ وَأَنْصُرْ مَنْ نَصَرَ
الدِّينَ، وَاخْذُلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِينَ، وَأَعْلِ كَلِمَتَكَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

اللَّهُمَّ أَنْصُرْ إِخْوَانَنَا الْمُسْلِمِينَ وَالْمُجَاهِدِينَ وَالْمُسْتَضْعَفِينَ فِي فَلَسْطِينَ وَفِي كُلِّ
مَكَانٍ، وَفِي كُلِّ زَمَانٍ، بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ أَصْلِحْ أئِمَّتَنَا وَوُلَاةَ أُمُورِنَا، وَاجْعَلْ وِلَايَتَنَا فِيمَنْ خَافَكَ وَاتَّقَاكَ يَا رَبَّ
العَالَمِينَ. اللَّهُمَّ اجْعَلْ بَلَدَنَا مَالِيزِيَا خُصُوصًا وَوَلَايَةً قُؤُلَاو فَيُنْعَ آمِنًا مُطْمَئِنًّا
سَخَاءَ رَحَاءٍ، دَارَ عَدْلِ وَإِيمَانٍ، وَأَمْنٍ وَأَمَانٍ، يَا ذَا الْفَضْلِ وَالْإِحْسَانِ.

اللَّهُمَّ وَفَّقْ قَادَتَنَا وَرُعَمَاءَنَا وَوُلَاةَ أُمُورِنَا لِمَا فِيهِ عِزُّ دِينِكَ وَنَصْرُ شَرِيعَتِكَ، اللَّهُمَّ
اجْعَلْهُمْ هُدَاةً مُهْتَدِينَ صَالِحِينَ مُصْلِحِينَ وَأَشْمَلِ اللَّهُمَّ بِعِنَايَتِكَ وَتَوْفِيقِكَ عَلَى
صَاحِبِ الْجَلَالَةِ،

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan
Agong, Sultan Ibrahim dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka
Baginda Raja Permaisuri Agong, Raja Zarith Sofiah.

وَكَذَلِكَ صَاحِبِ الْفَخَامَةِ،

Tuan Yang Terutama Tun Dato' Seri Utama Haji Ramli bin Ngah Talib,
Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang dan Yang Mulia Toh Puan Raja Dato'
Seri Utama Noora Ashikin binti Raja Abdullah.

“Ya Allah! Dengan sifat-Mu yang Maha Pemurah dan Maha Penyayang;
Jadikanlah kami dan keturunan kami orang yang istiqamah mendirikan
solat secara berjemaah, mengeluarkan zakat melalui Zakat MAINPP dan
melaksanakan waqaf melalui Wakaf MAINPP.

Rahmatilah jua para pembayar zakat dan pewakaf sekalian, serta
berkatilah usaha Kerajaan Negeri melalui Majlis Agama Islam Negeri

Pulau Pinang (MAINPP) dalam usaha mewujudkan keseimbangan sosio-ekonomi ummah di negeri yang tercinta ini.”

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

عِبَادَ اللَّهِ! إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَائِي ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ. فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.



جابتن حال إحوال اكمام إسلام قولاه فینخ
JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM PULAU PINANG